


Siri Bimbingan Remaja

Kebebasan dan **KEAKHLAKAN**



Kebebasan dan Keakhlakan

Tajuk	: Kebebasan dan Keakhlakan
Penulis	: Lee Bee Teik ©2004
Penterjemah	: Steffisley Mosingki
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr. Lee Bee Teik ialah pengasas dan direktor untuk Pelayanan Reconre (www.reconre.org). Beliau adalah seorang doktor perubatan terlatih tetapi mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya perubatan bagi mendampingi sepenuh masa anaknya membesar. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan melayani hamba-hamba penuh masa Tuhan melalui pelayanan kaunseling dan retreat. Dr. Lee juga giat dalam pelatihan kaunseling bimbingan dan nasihat, serta memfasilitasi seminar & retreat peribadi atau kelompok kecil. Beliau adalah isteri Bishop (Dr.) Hwa Yung dari Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa.

Hakcipta © 2012 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

Kebebasan Dan Keakhlakan

Keistimewaan Dan Tanggungjawab

Buku ini ditulis dengan tujuan untuk mendapatkan jawapan dengan bertanyakan lebih banyak soalan dan bukannya memberi jawapan. Kita yakin akan Firman Tuhan yang menyatakan bahawa mereka yang meminta akan diberikan, mereka yang mencari akan mendapatkan, dan mereka yang mengetuk akan dibukakan pintu. Inilah yang dijanjikan oleh Bapa kita yang di syurga.

Walau bagaimanapun, sekiranya kita meminta, mencari dan mengetuk pintu tetapi enggan untuk menerima, mendapatkan serta melalui pintu tersebut menurut langkah Tuhan; kita pasti akan melukakan hati-Nya dan hati orang lain yang mengasihi kita di dalam Tuhan sewaktu Dia menunaikan permintaan kita dengan menyatakan diri-Nya serta membuka pintu kerajaan-Nya kepada kita. Hati anda juga akan terluka dan tidak akan disembuhkan.



Berhenti Sejenak

Sudahkah kita bersedia untuk mendengar, berfikir dan berbincang? Jika ya, jom kita mulakan dengan beberapa pertanyaan:

1. Mengapa persoalan kebebasan harus dibincangkan di dalam dunia yang tampak sangat bebas bagi semua,

bukan sahaja orang Barat, tetapi juga dengan orang Asia? Bukankah komuniti gergasi orang Asia sedang dan sudah dibangunkan untuk menghadapi dunia?

2. Mengapa kita tidak ikut sahaja aliran perubahan sosial perdana kebanyakan bangsa yang lebih cenderung memaparkan berita-berita sedih daripada peristiwa-peristiwa gembira setiap hari? Haruskah kita berpuas hati dengan lebih banyak berita buruk daripada berita baik setiap hari?
3. Adakah semua peristiwa yang dilaporkan itu mendatangkan keburukan kepada mereka yang berhasrat untuk mempraktikkan kebebasan mereka? Bukankah mereka yang melakukan kejahatan terhadap orang lain itu juga sedang mengamalkan kebebasan mereka?
4. Mengapa kita harus peduli untuk membincangkan keakhilkan sedangkan ramai yang berjuang bagi penerimaan kerelatifan kelakuan manusia, bahkan ada yang dengan bangga memanggil diri mereka "bebas moral", seolah-olah mereka di atas segala norma-norma nilai moral?

Mengapa Kita Perlu Memikirkan Tentang Kebebasan dan Keakhilkan?

Kebebasan sebenar adalah sebuah pemberian daripada Allah kepada manusia sejagat yang dicipta dalam gambaran-Nya (Kejadian 1). Allah bebas untuk memilih, supaya manusia juga dapat membuat

pilihan. Allah mengasihi, supaya manusia turut mampu mengasihi. Walaupun Dia tahu bahawa manusia yang bebas mungkin akan menderhakai-Nya, Dia tetap mengambil risiko tersebut disebabkan oleh kasih-Nya kepada manusia. Satu hari nanti, lelaki dan perempuan akan dengan rela memilih Allah.



Berhenti Sejenak

Tutup mata anda dan bayangkan perasaan anda apabila anak kecil anda datang menerpa ke pangkuan anda dengan spontan sambil berkata... *"Saya sayang Daddy! Saya sayang Mummy!"*

Oleh sebab itulah kita mahu membincangkan tentang kebebasan kerana ia adalah satu pemberian baik Allah kepada kita untuk mengukuhkan hubungan kita dengan-Nya!

Sekiranya manusia memilih untuk bersahabat dengan Allah melebihi segalanya serta sentiasa kekal setia kepada-Nya, maka Allah dan manusia akan bersukacita. Bagaimana pun Kejadian 3 memberitahu kita bahawa manusia memilih untuk bersaing dengan Pencipta mereka. Persaingan adalah keji sejak dari awal lagi kerana ia memecah-belahkan hati, rumahtangga, keluarga dan masyarakat. Disebabkan perkara itu, hubungan kasih sayang dua hala di antara manusia dan Allah musnah. Bukan itu sahaja, hubungan di antara manusia turut terjejas. Berikutan kejadian tragis di Taman Eden tersebut, lelaki dan perempuan kehilangan kebebasan mereka untuk menjadi seperti apa yang diinginkan Allah.




Berhenti Sejenak

Renungkan apa perasaan anda sekiranya anak anda bersaing dengan anda semata-mata untuk menjadi lebih hebat daripada anda. Bahkan mereka berfikir bahawa anda sangat mementingkan diri sendiri kerana menyembunyikan kemahiran daripada mereka untuk menjadi hebat dan besar.

Baca Kejadian 1-3 dan selami perasaan Allah, Tuhan segala kebebasan.

Oleh sebab itulah, kita harus mempertimbangkan pemberian kebebasan manusia kerana ia sangat bermakna bagi Allah Pencipta yang Maha Besar dan Maha Kudus.

Rasul Paulus menulis kepada umat Allah di Galatia,



“Saudara-saudara, memang kamu telah dipanggil untuk merdeka. Tetapi janganlah kamu mempergunakan kemerdekaan itu sebagai kesempatan untuk kehidupan dalam dosa, melainkan layanilah seorang akan yang lain oleh kasih.”

(Galatia 5:13)

Kita harus membincangkan dan memikirkan isu kebebasan manusia kerana ada batasan bagi kebebasan dan lesen manusia bagi kata-kata dan tindakan mereka.

Disebabkan personaliti kita telah dirosakkan oleh dosa peribadi dan komuniti, kita cenderung untuk menggunakan kebebasan yang Tuhan berikan sebagai lesen untuk melakukan keinginan kita setiap kali peluang tiba, sama seperti yang dilakukan oleh Adam dan Hawa. Peluang-peluang tersebut datang dalam bentuk godaan untuk melarikan diri daripada hukum-hukum Allah yang tercoret di dalam hati kita untuk kekekalan (Pengkhotbah 3:11, 12:1, 13-14). Namun kita harus mendefinisikan kebebasan terlebih dahulu. Apakah maksud kebebasan bagi orang-orang yang ada di luar sana?

Definisi Kebebasan & Keakhlakan

Meskipun definisi ini diambil daripada kamus tertentu, anda boleh mencari sumber-sumber lain untuk mendapatkan definisi yang lain.

1. Kebebasan (kata nama)

Kamus Oxford Advance Genie mendefinisikan kebebasan sebagai:

“Hak untuk mengatakan atau melakukan keinginan anda tanpa dihalang oleh mana-mana pihak.”

Definisi ini adalah satu berita baik bagi ramai orang, tidak kira tua ataupun muda, yang mahu melakukan sesuatu menurut kehendak hati mereka setiap waktu!

6 Siri Bimbingan Remaja

2. Keakhlakan atau Moral (kata nama)

Kamus Oxford Advance Genie mendefinisikan moral seperti berikut:

“Prinsip-prinsip mengenai kelakuan yang betul atau salah, baik atau buruk.”

Oleh yang demikian, bermoral bermaksud memilih untuk melakukan kebaikan bagi diri sendiri dan orang lain (Efesus 2:10). Bagi orang Kristian, ia juga bermaksud untuk mempunyai kesedaran sivik di dalam penantian bagi bumi dan syurga yang baru.

3. Tidak Bermoral (kata sifat)

“Manusia dan/atau kelakuan yang dianggap sebagai tidak baik dan jujur oleh kebanyakan orang.”

Oleh yang demikian, orang yang tidak bermoral adalah mereka yang memilih untuk melakukan kejahatan kepada diri sendiri dan orang lain, Contohnya, melayan nafsu berahi, ketamakan wang yang menghancurkan rumahtangga dan keluarga.

4. Bebas Moral (kata sifat)

“Tidak mengikuti sebarang garis panduan keakhlakan serta tidak mengambil kira mengenai apa yang benar dan salah”

Oleh yang demikian, mereka yang bebas moral kelihatan seperti tidak peka kepada kebaikan dan kejahatan kerana hati nurani mereka sudah tercemar. Rasa bersalah tidak lagi dianggap sebagai dosa melawan Allah yang kudus, tetapi sama ada si pelaku akan ditangkap dan dihukum kerana melakukan kejahatan kepada orang lain ataupun tidak. Kadangkala, orang yang bebas moral ini dikelaskan sebagai pesakit jiwa atau pesakit sosial.

Contoh:

Doktor Y adalah seorang doktor pakar yang mempunyai tiga rakan kongsi di sebuah hospital swasta. Rakan kongsinya telah memilihnya untuk menjadi pengurus kewangan syarikat tersebut. Beberapa waktu kemudian, mereka mendapati Doktor Y telah menggelapkan wang dengan menukar angka-angka dalam akaun dan menipu sejumlah wang yang banyak dalam pendapatan mereka.

Bagaimana pun, mereka memilih untuk memaafkannya. Walaupun jawatannya sebagai pengurus kewangan telah dilucutkan, dia tetapi dikekalkan sebagai rakan kongsi mereka. Salah seorang rakan kongsinya berkata: "Doktor Y tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda rasa bersalah, mahupun malu akan jenayahnya. Dia meneruskan kehidupan seperti tidak ada apa-apa yang terjadi."

Pertanyaannya: adakah dia bermoral, tidak bermoral ataupun bebas moral; dan kepada siapa?

Beberapa Masalah Bagi Definisi Tersebut

Sekiranya kita mengikuti definisi yang mengatakan kebebasan adalah hak untuk melakukan apa yang kita inginkan tanpa waspada dan panduan, maka kebebasan akan perlahan-lahan menjadi lesen kepada sifat mementingkan diri dan ketamakan di tempat kerja. Ia juga akan mendorong kepada lesen bagi aktiviti seksual yang sudah menjadikan kehidupan rumah tangga dan kekeluargaan seperti padang gurun yang kontang bagi kebanyakan orang.


Tidak dapat dielakkan lagi, nilai-nilai moral akan dipertikaikan oleh generasi yang akan datang sekiranya prinsip-prinsip moral dianggap sebagai relatif oleh mereka yang ingin berlaku bebas di dalam keluarga dan masyarakat. Namun begitu, nilai-nilai moral bukan sesuatu yang bersifat relatif kerana Allah sudah mengukir keinginan bagi-Nya di dalam hati semua manusia yang lahir di bumi ini. Beserta keinginan ini ialah kemahuan untuk mengetahui hadirat kudus Tuhan serta kehausan bagi kebenaran-Nya (Roma 1 & Matius 5).

Kita harus mengaku bahawa meskipun kebebasan dan keakhlakan semakin merundum, setiap orang cenderung untuk menyalah-gunakan piawai-piawai serba rapuh yang mereka bina. Bukan itu saja, ketetapan muktamad Allah turut dipertikaikan. Disebabkan sifat kita yang berdosa, kebebasan sering kita anggap sebagai lesen untuk menyuap kepentingan diri sendiri.

Lesen adalah kebebasan yang tidak kenal batas. Ia tidak menerima had, enggan tunduk kepada sebarang kuasa.

Lesen ialah kebebasan untuk menjadi liar... seperti air dalam empangan yang memecahkan tembok-temboknya (undang-undang, peraturan, prinsip-prinsip), iaitu satu-satunya benteng yang mampu menukarkan kuasanya menjadi arus elektrik demi kebaikan semua orang.

Bagaimana pun, disebabkan kasih-Nya kepada manusia sejagat, Allah berfirman untuk memberikan manusia panduan bagi mengamalkan kebebasan. Yesus berkata di dalam Yohanes 8:32,



Anda mungkin akan bertanya, "*Kebebasan mengenai apa?*" Kebebasan mengenai kasih kurnia dan kekudusan Allah, rasa takut kepada Tuhan yang memiliki segalanya, Allah yang tidak gentar akan persaingan tetapi menginginkan anak-anak-Nya untuk tinggal di dalam batasan yang sudah dirancang-Nya supaya kita selamat menjadi manusia bagi Tuhan serta bersama dengan Dia selamanya. Dia menginginkan anak-anak-Nya bebas untuk mengasihi dan dikasihi.

Tetapi remaja dan orang dewasa Kristian selalu terperangkap dengan kesibukan aktiviti-aktiviti sehingga kita terlupa ramai anak-anak kita yang tidak menikmati kebebasan untuk menjadi milik Allah sepenuhnya. Kita berkelakuan seperti orang dewasa yang bermain dengan pistol mainan di medan perang. Kita mengambil ringan

kasih dan pemberian Tuhan sehingga kita tidak meluangkan masa dan usaha untuk mengkaji, berdoa serta mempertimbangkan isu-isu asas seperti kebebasan untuk mencelikkan minda dan hati mereka yang sedang mencari-cari.



Contoh:


Seorang remaja lelaki berumur 16 tahun menghadiri satu persekutuan remaja di sebuah gereja hasil jemputan gurunya di sekolah. Dia datang daripada keluarga susah. Dia faham apa ertinya menjadi seorang pelajar tajaan yang berdisiplin sewaktu di sekolah menengah. Setelah mengikuti beberapa sesi dalam persekutuan tersebut, dia memberikan komen kepada gurunya: "Mereka (rakan Kristian sebayanya) tidak berasas. Saya tak nampak atau mendengar satu pun jawapan kepada kehidupan saya di dalam kumpulan tersebut. Mereka gagal menawarkan apapun kepada saya."

Tiga tahun kemudian, sewaktu ditemui gurunya sekali lagi, dia sudah berputus asa untuk mencari jawapan di dalam gereja.



Renungkan

1. Adakah kehidupan para remaja kita tertumpu kepada aktiviti-aktiviti Kristian ataupun adakah kita membantu mereka untuk berfikir sendiri agar hati nurani mereka akan dipimpin oleh Firman Tuhan? Yesus berdoa,



2. Adakah kita memberikan para remaja kita panduan-panduan jelas akan kebenaran yang sepatutnya mereka pegang, bagaimana mereka harus hidup, atau bagaimanakah rupa sebuah gereja di luar daripada aktiviti-aktiviti "Kristian" yang lazim?
3. Pernahkah kita memaklumkan serta menunjukkan mereka bahawa keKristianan adalah sebuah hubungan yang telah dibeli dengan kematian Yesus di antara manusia dan Allah yang hidup? Pernahkah kita menunjukkan kepada mereka maksud ketaatan mutlak kepada Yesus, penyelamat kita daripada dosa, diri sendiri, si jahat dan kematian?
4. Sekiranya tidak, arus dunia akan membawa mereka kepada kelonggaran akhlak yang telah melanda masyarakat kita, bahkan telah mencorakkan persekutuan muda-mudi gereja kita. Adakah perbezaan ketara di antara mereka yang mengenali diri mereka sebagai anak-anak Tuhan dengan mereka yang tidak mengenal Allah?
5. Persekutuan muda-mudi yang disebutkan sebentar tadi sangat menyerupai dunia sehingga tidak ada bezanya dari segi pemikiran, kata-kata dan kelakuan sejak dari tahun 1966. Adakah kita jauh berbeza hari ini?

6. Sekiranya kita sekarang adalah lebih baik, mengapa kita masih berdepan dengan gejala-gejala pemikiran serta tindakan bersifat enteng, ditambah dengan sikap menyembunyikan masalah (contohnya ketagihan, kelakuan zina, ketamakan, pemberontakan menentang pihak berkuasa, materialisma) di bawah tudung maruah hidup kelas pertengahan?
7. Bolehkah beberapa kesaksian dinamik penyembuhan dan keajaiban membersihkan kita daripada gejala kekurangan moral?

“Ya Tuhan, bantulah kami. Kami berdoa... anak-anak kami memerlukan Engkau... Kami perlukan Engkau... Bekerjalah, kami merayu!”

Di Manakah Akar Masalah Ini?

Paulus menggesa umat Allah di dalam Roma 12:1&2,

“Kerana itu, saudara-saudara, demi kemurahan Allah aku menasihatkan kamu, supaya kamu mempersembahkan tubuhmu sebagai persembahan yang hidup, yang kudus dan yang berkenan kepada Allah: itu adalah ibadahmu yang sejati. Janganlah kamu menjadi serupa dengan dunia ini, tetapi berubahlah oleh pembaharuan budimu, sehingga kamu dapat membedakan manakah kehendak Allah: apa yang baik, yang berkenan kepada Allah dan yang sempurna.”

Sekiranya pembaharuan akal budi adalah tunjang bagi perubahan hidup, maka masalah kerelatifan moral di dalam gereja pastinya telah bermula dengan ajaran-ajaran longgar hasil daripada penapisan, pengherotan dan pencantasan Injil Yesus Kristus yang sering diketengah dan diamalkan hari ini. Ada orang memanggil injil-injil ini sebagai injil kekayaan, injil akhir zaman, injil spekulasi, injil kasih kurnia dan lain-lain.

Pola-pola gereja yang lebih menyerupai dunia daripada Kristus hari ini:

- 1 Khotbah mengikut perasaan tanpa tindakan susulan. Contohnya, secara diam-diam menerima amalan aktif seks sejenis (homoseksualiti) walaupun secara luaran menentanginya dari atas mimbar, tetapi sebenarnya menyapukan masalah ke bawah karpet sementara menolak mereka yang terlibat tetap dalam keadaan terluka dan berdosa.
- 2 Mengikuti gaya tuturan dan kelakuan dunia. Contohnya, *"Ayooohh.. judi sikit pun tak boleh! Tapi melabur itu satu tindakan yang bijak tau... bila saya dapat bahagian syer saya nanti, saya akan berikan lebih kepada pelayanan Tuhan..."*
- 3 Menyesatkan umat Allah yang masih mentah. Kemungkinan besar separuh daripada jumlah pengkhotbah hari ini perlu kembali ke sekolah Alkitab disebabkan ketidak-mampuan untuk memberikan ajaran yang jelas untuk menjaga para jemaat (Titus 1:9). Namun, alasan lazim yang kita dengar adalah

"Tak boleh, mereka perlukan kami!" atau "Kami tidak perlu belajar lagi.. asalkan jemaat rasa keperluan mereka seperti penyakit disembuhkan, perusahaan bertambah untung dan lain-lain dipenuhi, sudah tentunya apa yang kami lakukan adalah betul dan sangat Alkitabiah."

4 Melakukan apa saja yang kita fikir betul dengan kehidupan dan harta kita, kerana semua itu kita dapat daripada hasil usaha kerja keras kita. Contohnya, "Tuhan akan memberkati mereka yang miskin dan memerlukan melalui orang lain." Atau "Berhati-hati jika kamu mahu membantu ibu tunggal... mereka mungkin tidak boleh dipercayai!"

5 Untuk menjangkau golongan remaja atau belia, kita harus membenarkan apa yang mereka minta. Contohnya, "Parti bermalam (pyjama party) moden dan OK. Golongan tua saja yang kolot, bukan kita. Kita bukannya bodoh sehingga melampaui batas berdekatan secara fizikal. Mungkin berpelukan, berciuman atau bersentuhan itu ada juga yang berlakulah."

Sekiranya seorang wartawan dihantar ke gereja anda untuk mencari tahu apa pendirian anda tentang perceraian, berjudi, masalah ketagihan, homoseksualiti, menggugurkan kandungan, bagaimana anda akan menjawab? Adakah anda akan berkata, "Oh, biar saya buat kajian dulu. Datang lagi bulan depan." Atau anda sudahpun berdoa, membuat kajian dan sudah siap dengan satu jawapan tentang kepercayaan anda?

Sepertinya disiplin untuk masalah tidak bermoral,

ketamakan, berhala, memfitnah, kemabukan, penipuan dan tidak melakukan pekerjaan (1 Korintus 5:11; 2 Tesalonika 3:6) masih sangat kurang. Tetapi apabila kita mula mendisiplin, kita menjadi sangat ekstrim pula dalam menganiaya para pendosa.

“Ya Tuhan, bagaimana kami dapat menjalankan kehidupan kami seperti Engkau... mengenakan belas kasihan dalam penghakiman kami?”

Kurangnya panduan-panduan moral yang tulen akan membuat kita sering terinjut-injut dalam komuniti Kristian kita, dan membuat kita sering tertanya-tanya adakah orang lain atau kita itu jujur atau munafik? Para remaja dapat melihat semua itu. Itu adalah anugerah bakat mereka... yang segar dan cerdas kerana tingkat pengembangan mereka.


Untuk remaja Kristian yang dibesarkan di dalam keluarga Kristian, pendidikan Alkitab mempunyai banyak pengaruh kepada fikiran mereka sepanjang mereka membesar. Walau bagaimanapun, dalam ambang membuat keputusan sebagai seorang dewasa, kadang-kadang mereka keliru dan sedih apabila mereka melihat ibu bapa atau ibu/bapa saudara mereka sendiri melakukan perkara yang mereka ajar supaya jangan mereka lakukan.

Kebanyakan remaja tidak mengharapkan mentor dan pembimbing mereka itu sempurna, tetapi mereka mengharapkan para mentor berani mengaku salah apabila mereka melakukan kesilapan. Adakah kita cukup

berendah hati untuk menunjukkan kepada mereka jalan pertaubatan dan perubahan?

Untuk menjadi bermoral bermaksud lebih daripada JANGAN melakukan. Ia juga bermaksud kita benar-benar maksudkan apa yang kita katakan/lakukan.

Tanda-Tanda Kurangnya Keakhlakan

 Kita gagal untuk menjaga individu-individu yang Tuhan percayakan kepada kita.

- Kita cenderung untuk mengelakkan tanggungjawab untuk menolong orang lain yang Tuhan amanatkan kepada kita dengan alasan mereka mungkin tidak berlaku jujur. *"Hati-hati dengan jumlah wang yang kamu berikan mereka..."*
- Kita menghujani anak-anak, cucu-cicit kita dengan wang walaupun harta yang mereka miliki sudah lebih daripada mencukupi sedangkan jiran sebelah kita kebuluran. Kita menuding jari kepada pembantu rumah mengatakan mereka mencuri malah terlebih makan padahal mereka tidak mempunyai gaji dan makanan yang mencukupi, apa lagi kediaman yang berpatutan. Adakah kita bermoral? Syukur kita kepada Tuhan hanya tertumpu kepada saudara sedaging semata-mata. Adakah tindakan ini bermoral (1 Timotius 4:4; 6:17)?
- Dengan automatik kita bertindak semacam dengan alasan "memang begini caranya" untuk dilihat

orang ramai. Contohnya, memaparkan nama para penyumbang dana dengan terbuka di gereja dan organisasi-organisasi. Ini bertentangan dengan firman Yesus. Adakah ini moral (contoh Matius 6:1-8, 16-18, 23:5-12)?

- Kita berdoa, tetapi untuk apa? Untuk mendapatkan berkat bagi diri sendiri? Untuk menjadi lebih rohani? Atau untuk meminta Tuhan mengajar kita mengasihi orang lain demi kebaikan mereka dan bukan diri sendiri?
- Mematuhi undang-undang manusia lebih daripada menghormati dan mentaati Allah?
- Apakah perkara yang menghalang kita daripada menerima kebenaran serta menggalakkan kebebasan untuk memilih kebenaran, kekudusan, kasih sayang, sukacita dll. (inti-inti buah-buah Roh) yang telah Tuhan sediakan untuk kita selamanya?



Tidak bermoral turut merangkumi:

- Memegahkan diri, nafsu berahi, mementingkan diri, iri hati, kekafiran (1 Yohanes 2:15-16; Yakobus 2:14-26, 3:13-17; Kolose 3:5).
- Usaha untuk meninggikan diri sendiri (contohnya, orang kaya di dalam Lukas 18:18-25). Mengapa? Ia disebabkan keakhlakan bukan hanya kepentingan diri sendiri tetapi orang lain juga. Yesus turut mencadangkan bahawa kata-kata dan tindakan kita boleh mempengaruhi orang di

sekeliling kita...untuk kebaikan dan juga keburukan (Matius 5:17-20). Oleh itu, membuat diri sendiri dan orang lain tersandung daripada mengikuti Tuhan turut bersifat tidak bermoral.

- Tidak tunduk kepada pihak berkuasa yang Tuhan letakkan di atas kita sehingga Yesus kembali untuk menjadi Raja segala raja, contohnya kerajaan, penatua gereja (bukan sahaja tempatan tetapi secara keseluruhan mahupun penatua denominasi), ibu bapa, melainkan ia kes penyembahan berhala (1 Tesalonika 5:12-15)
- Sikap pemalas dan acuh tak acuh (1 Timotius 5:15; Amsal 31:27).

Anak-anak muda ingin melihat realiti kehidupan orang dewasa. Adakah kita mencerminkan kenyataan ini? Walau bagaimanapun, keakhlakan hanya akan masuk akal apabila kita bebas untuk memilih kebaikan di atas keburukan di dunia ini, berdasarkan kasih kepada Tuhan.

Halangan-Halangan Kepada Kebebasan Manusia Untuk Memilih & Berbuat Baik (Menjadi Bermoral)

↳ Rasa takut

- Takut akan pandangan orang lain.
- Takut akan pergelutan bersama orang lain mahupun kuasa kegelapan di sekitar mereka.
- Takut dosa/kelemahan/kesilapan tersembunyi didedahkan.

2 Memegahkan diri membawa kepada

- Cita-cita mementingkan diri sendiri dan keluarga.
- Hidup bertopeng yang tidak benar di dalam dunia yang memerlukan.

Kita dibebaskan daripada sesuatu untuk sesuatu yang lain.

❁ ***Kita dibebaskan daripada:***


- Beban dosa supaya kita mampu berlari dengan ringan ke arah Yesus yang sedang menunggu kita (Ibrani 12:1-3).
- Roh jahat/kemabukan supaya kita boleh dipenuhi dengan Roh Kudus (Lukas 11:24-26; Efesus 5:18).
- Dosa untuk menjadi imam dan kerajaan Allah serta melayani Allah Bapa kita (Wahyu 1:4-6).

❁ ***Kita dibebaskan untuk:***

- Mengejar kebebasan untuk memilih melayani Allah.
- Takut (hormati) akan Allah sahaja.
- Menerima kebenaran mengenai Allah yang penuh dengan kebenaran dan anugerah, dan menerima manusia berdosa yang memerlukan pengampunan-Nya.
- Percaya bahawa hukum-hukum Allah

membebaskan kita daripada cengkaman orang lain supaya kita bebas untuk berbuat baik. Seperti Yesus, Dia mampu berbuat demikian dengan kuasa Roh Kudus.

Yesus berfirman:



Kebenaran tentang apa? Kebenaran mengenai kasih kurnia Allah yang sedia maklum kekurangan kita untuk menyelamatkan diri sendiri daripada dosa dan hukumannya namun tetap melakukan semua yang terdaya untuk mengampunkan serta membawa kita pulang kepada-Nya, Bapa yang benar dan kekal, melalui pengorbanan Anak-Nya, Yesus dari Nazaret.

Yesus sendiri penuh dengan kasih kurnia dan kebenaran (Yohanes 1:14). Dia meminta Bapa-Nya yang di syurga untuk menguduskan kita melalui kebenaran (Yohanes 17:17). Jadi apabila Anak itu memerdekakan kamu, kamupun benar-benar merdeka (Yohanes 8:36).

Sebaliknya, pemimpin-pemimpin agama memilih untuk menangkap Yesus di dalam gelap (Matius 26:55-56; Lukas 22:52-53); Di sebalik semua yang Yesus telah ajarkan ketika Dia berada di muka bumi, Pilatus masih bertanya ... “Apa itu kebenaran?” Tetapi Pilatus tidak menunggu akan jawapan-Nya sehingga dia terlepas peluang untuk

mengetahui kebenaran tersebut. Walau bagaimanapun, isterinya percaya akan kebenaran itu.

Ada beberapa implikasi tentang petikan Alkitab mengenai kebenaran:

1. Kebebasan sebenar tidak wujud tanpa mengetahui kebenaran itu. Ini bermakna, mengetahui kebenaran mengenai sesuatu/seseorang akan membawa kepada kebolehan/kebebasan untuk memilih (Yohanes 8:32)
2. Kebenaran ialah :
 - † Apa yang benar mengenai seseorang/sesuatu.
 - † Peribadi Yesus Kristus (iaitu siapa diri-Nya dan watak yang dapat dilihat di dalam hidup-Nya. Baca Yohanes 14:6)
 - † Firman Allah, iaitu kuasa untuk mendatangkan perubahan. Contohnya, Allah berfirman, "Jadilah terang," lalu terang pun wujud.
 - † Jalan kembali kepada Allah (hala tuju manusia ditentukan dengan bagaimana mereka bertindak balas kepada panggilan-Nya untuk kembali kepada-Nya. Yohanes 8:36).
3. Oleh itu, hanya Yesus yang mampu membebaskan kita untuk berbuat baik. Jalan lain adalah cenderung untuk memilih keburukan dan kejahatan secara muktamad.

Apabila kita telah dibebaskan daripada kecenderungan memilih kejahatan dan mampu serta mahu memilih kebaikan, hanya demikian keakhlakan (tutur-kata dan kelakuan yang baik) akan masuk akal kerana:

- Motif untuk berbuat baik datang daripada perasaan takut akan Allah yang Maha Suci.
- Allah kemudiannya memberikan kita kuasa untuk memilih dan melakukan kebaikan.
- Kepuasan yang berkekalan datang daripada tindakan melaksanakan masa depan yang Allah tentukan buat kita.
- Dengan itu, kita akan memiliki perwatakan ilahi untuk bertanggungjawab ke atas penghormatan yang Allah berikan kepada kita di dunia ini.

Contohnya:

Pilatus memilih untuk tidak mengendahkan kebenaran mengenai Yesus, malah tunduk kepada perasaan gentar kepada rusuhan rakyat serta pangkat yang dimilikinya di hadapan Kaisar. Oleh yang demikian, Pilatus tidak bebas untuk memilih kebaikan. Meskipun dibantu oleh pandangan rohani isterinya, dia tetap memilih untuk melakukan kejahatan. Ketakutan akan hilangnya sokongan daripada Kaisar membutakan Pilatus daripada melakukan pilihan yang bermoral serta adil.

Sebagai bandingan, Yosua, seorang insan yang dibebaskan untuk menjadi anak dan hamba Allah, memberikan orang-orang Israel sebuah pilihan. Di dalam Yosua 24:14-15, sewaktu dia memilih untuk menyembah dan mengikuti Allah yang telah menunjukkan diri-Nya kepadanya, Yosua berkata, "Tetapi aku dan seisi rumahku, kami akan beribadah kepada TUHAN!" Dipengaruhi oleh teladan seorang pemimpin yang bersifat hamba itulah, orang-orang Israel pada waktu itu turut memilih untuk melayani Allah.

Perkara-Perkara Praktikal Yang Harus Dipertimbangkan Oleh Umat Allah

Bagaimanakah definisi alkitabiah bagi kebebasan dan keakhlakan mempengaruhi kita?

1. Kuasa untuk menggunakan kebebasan kita dikawal oleh Dia yang telah memberikannya kepada kita. Hanya Tuhan sahaja yang layak menggunakannya. Contohnya dalam memilih pasangan:
 - Di dalam 2 Korintus 6:14, kita diperintahkan untuk tidak berpasangan dengan mereka tidak seimbang dengan pegangan iman/kepercayaan kita.
 - Di dalam 1 Tesalonika 4: 3-5, kita didorong untuk mendapatkan isteri dengan cara yang hormat dan suci.
 - Di dalam 1 Korintus 5:9-11, kita diperintahkan untuk tidak berzina.
 - Di dalam Matius 5:27-28, kita diarahkan untuk menjauhkan diri daripada seks luar nikah mahupun bernafsu berahi.

Namun Tuhan memberikan kita kebebasan untuk memilih pasangan. Sudah pasti ada banyak pilihan bagi mereka yang kekal mematuhi batasan-batasan di atas!

2. Kita bebas untuk menghubungi Allah secara langsung dengan berdoa bagi diri kita dan orang lain. Namun, kita tidak bebas untuk memberikan arahan kepada

orang lain apa yang mereka harus lakukan; ataupun berpegang kepada “nubuat” yang mereka berikan kepada kita sebelum kita mencari Tuhan terlebih dahulu.

Saya yakin bahawa Allah akan berkata-kata secara langsung terlebih dahulu kepada umat-Nya sebelum mengarahkan orang lain untuk memberikan pesanan kepada mereka, MELAINKAN mereka sudah berdegil sekian lama. Ini adalah pengalaman umum para pengikut Tuhan merentasi zaman. Buku-buku biografi orang Kristian membuktikan kepada kita bahawa domba-domba milik Gembala yang baik mampu mendengar suara-Nya, bahkan mengikuti-Nya. Nubuat-nubuat, sekiranya berasal asli daripada Allah, bertujuan untuk mengesahkan serta mendorong anak-anak Tuhan hari ini. Ia bukanlah satu cara yang umum digunakan oleh dua pihak yang saling mengasihi untuk memberikan pesanan.

Terdapat sebilangan orang di gereja pada zaman ini yang terperangkap disebabkan oleh mereka yang menggunakan nubuat dengan sewenang-wenangnya, kadang-kadang semua nasihat-nasihat baik tidak diendahkan, *“Tuhan berkata bahawa... saya harus melakukan perkara ini ataupun saya perlu berbuat demikian kerana Saudara A ataupun Saudari B bernubuat kepada saya sedemikian rupa...”*

Ia cukup tragis bagi anak-anak Tuhan yang Dia kasihi, melainkan nubuat tersebut sudah tahan uji beberapa kali. Sama seperti kawanan domba, anak-anak Tuhan harus dilindungi untuk mendengar suara Gembala

yang baik setiap hari tanpa bergantung kepada orang lain. Kita harus mengawasi sebarang manipulasi manusia sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, terutama sekali sekiranya ia berkaitan dengan pengumpulan dana dan perlantikan kuasa di gereja.

3. Sekiranya kita kekurangan hikmat di dalam menggunakan kebebasan membuat pilihan moral, mintalah hikmat daripada Tuhan (Yakobus 1:5). Ini adalah doa yang Tuhan sudah pasti akan tunaikan! Namun kita harus bersungguh-sungguh kerana apa gunanya hikmat jika ia tidak digunakan? Ia seperti manna yang tidak seharusnya disimpan terlalu lama.
4. Yesus sudah membebaskan kita daripada usaha keras sepanjang hidup menuju kesempurnaan berdasarkan kebaikan diri sendiri. Dia mengasihi kita dan membebaskan kita untuk menerima kekurangan dan kelemahan diri sendiri dengan memenuhi semua hukum Allah di pihak kita, sekaligus memansuhkan keselamatan berdasarkan perbuatan baik. Manusia mengikat kita untuk mematuhi fantasi mereka, tetapi Tuhan membebaskan kita untuk mengenali dan menikmati Dia selamanya!
5. Tuhan membebaskan kita untuk menikmati pengasuhan-Nya, sama seperti kegembiraan setiap ibu bapa melihat anak-anak mereka bermain bersama-sama yang memang tidak dapat digambarkan!
6. Yesus membebaskan kaum perempuan daripada belenggu kurangnya keyakinan diri dengan cara

menghargai, menyebut, meluangkan masa untuk mendengar serta berhubung selaras dengan tata-tertib yang diberikan oleh Allah kepada mereka kerana Dia adalah rakan Pencipta dunia bersama Bapa-Nya. Sebagai contoh, Maria Magdalena merupakan salah seorang saksi terakhir mayat Yesus dan saksi terawal bagi kebangkitan-Nya (Markus 15:40-41; 16:9). Kata-kata Yesus yang sering dipetik “Aku adalah kebangkitan dan hidup” ialah pesanan yang diberikan kepada Marta, wanita gundah yang mementingkan kesempurnaan. Dia mengalami perubahan disebabkan kasih Yesus yang menemaninya buat selamanya. Kaum perempuan juga turut dijadikan pewaris bersama dengan saudara lelaki mereka di dalam keluarga besar Allah (1 Petrus 3:7).

7. Allah membebaskan kita daripada kebergantungan terhadap orang lain, pekerjaan, harta benda, kuasa dan pangkat supaya kita akan memilih kesederhanaan. Ini disebabkan kita hanya perlu bergantung kepada Tuhan, cinta pertama kita – yang merupakan keutamaan pertama dan kesungguhan pertama kita.

8. Oleh kerana kita tidak berhak ke atas sebarang perkara, malah kemampuan untuk mencipta sesuatu daripada sifar turut tiada, segala yang kita miliki harus digunakan untuk menyenangkan Tuhan. Justeru itulah kita telah dibebaskan daripada kegelisahan mengenai kekurangan kerana Dia akan mencukupkan keperluan kita. Semua yang kita terima adalah hasil kasih kurnia-Nya, sesuatu yang kita tidak layak

terima. Kita bebas untuk menghitung dan menikmati pemberian baik Allah kepada kita, seperti anak kecil yang kegirangan berlarian dengan kebebasan sewaktu dia menerokai dunia – taman permainan yang dicipta khas oleh Bapa di syurga! Sebuah kehormatan yang luar biasa!

9. Kita dibebaskan untuk memilih menjadi bertanggung-jawab ke atas hidup baru kita di dalam Kristus. Kita mampu untuk mengaplikasikan prinsip pengawasan, perkara yang membawa kepada pegangan paling realistik. Kita mampu menyembah Tuhan yang Maha Suci dan Pengasih serta bebas mengawal kekurangan kita sehingga Dia memberikan tubuh dan dunia baru tanpa dosa untuk kita diami. Kita bebas untuk bertanggungjawab terhadap pemikiran, kata-kata dan tindakan kita di hadapan dunia yang penuh dengan pertarungan, kasih sayang dan kejayaan sebenar di dalam Yesus Kristus!

Apa Yang Harus Kita Lakukan Terhadap Kebebasan Dan Keakhlakan Yang Telah Ditebus Oleh Yesus Bagi Kita?

1. Jangan memperdagangkan kebebasan dan keakhlakan Tuhan dengan kebebasan dan keakhlakan palsu kerana... sekiranya Anak Allah telah membebaskan kamu, kamu benar-benar bebas!
2. Keakhlakan tidak dapat dicapai sendirian, namun ia mampu digapai bersama-sama. Bermula sekarang,

Siri Bimbingan Remaja

- Marilah kita melabur kepada hidup di dalam kebebasan dan keakhlakan sebenar melalui pelaburan jiwa-jiwa yang berharga bagi Tuhan. Pernahkan anda mempertimbangkan bahawa harta di syurga yang Yesus pernah sebut sebenarnya adalah manusia yang Allah sayangi, dan bukanlah sekadar ganjaran fana semata-mata?
- Marilah kita gunakan minda kita untuk membaca firman-Nya yang dituliskan oleh para penulis yang diilhamkan melalui pengampunan, penyembuhan dan perhubungan-Nya.
- Marilah kita berdoa serta mengongsikan kebebasan dan keakhlakan asas yang baru di dalam Kristus ini kepada ahli keluarga dan jiran-jiran kita, baik yang jauh dan yang dekat, agar... **SEMUA AKAN TAHU BAHAWA DIA ADALAH TUHAN!**



Renungan

1. Renungan Mazmur 139. Tuliskan apa yang Tuhan telah bicarakan kepada anda.

2. Renungkan Yohanes 8:32. Apakah yang anda telah pelajari?

3. Renungkan Galatia 5:13. Bagaimanakah ayat Firman Tuhan ini berbicara kepada anda?

“Didiklah orang muda
menurut jalan yang patut baginya,
maka pada masa tuanya pun
dia tidak akan menyimpang
daripada jalan itu”.
(Amsal 22:6)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan.

Dilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.



**WAWASAN
PENABUR**